

Pasport Tunku Abdullah ditarik balik

(P)

29 Jul 1994

KUALA TERENGGANU 28 Julai — Kerajaan telah mengarahkan supaya pasport Tunku Abdullah Almarhum Tuanku Abdul Rahman ditarik balik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan itu telah dibuat dalam mesyuarat jemaah menteri yang baru lalu.

Beliau mengesahkan arahan mengenainya telah dikeluarkan tetapi tidak pasti sama ada tindakan merampas pasport

Tunku Abdullah telah dilaksanakan atau sebaliknya.

Menurut beliau, tindakan seumpama itu biasanya diambil jika terdapat individu tertentu menyalahgunakan pasport.

"Kita ada membincangkan perkara itu dalam mesyuarat kabinet yang lalu. Ia bukanlah satu agenda tetapi telah dibincangkan," jelasnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan kerajaan berhubung penga-

kuan Tengku Abdullah bahawa beliau telah berkunjung ke Israel bulan lalu.

Tengku Abdullah pada 16 Julai lalu menjelaskan lawatannya itu bersifat lawatan peribadi bagi meninjau peluang-peluang perniagaan.

Beliau yang juga adinda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar mengaku telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin dan Menteri Luar Shimon Peres.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub yang mengulas mengenai perkara itu menegaskan, perbuatan Tunku Abdullah melanggar peraturan Imigresen walaupun kunjungan itu tidak mempunyai sebarang niat politik.

Dalam kenyataannya 17 Julai lalu, beliau menjelaskan, arahan yang tertera dalam pasport Malaysia adalah jelas bahawa warganegara Malaysia dilarang ke Israel.

Bagaimanapun, kata-

nya, kerajaan hanya mengeluarkan kebenaran khas kepada rakyat negara ini yang ingin berkunjung ke negara Yahudi itu.

Dr. Mahathir memberitahu demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini sebelum berlepas ke Pulau Langkawi tengah hari ini.

Terdahulu itu, Perdana Menteri telah merasmikan Kejohanan Taekwondo Sedunia (ITF) ke-9 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pagi ini.